

PEER REVIEWED
JOURNALOPEN ACCESS
PUBLICATION

Bridging Quranic Wisdom and Contemporary Challenges

**JURNAL QIRAAT****Jurnal al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,

Universiti Islam Selangor (UIS)

Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor

2026 Vol 9, Bil 1, Halaman 15-24

**Peranan Imam al-Shatibiy (W590H) dalam Mentransformasikan
Manzumah Al-Shatibiyyah Sebagai Medium Tadabbur**

[The Role of Imam Al-Shatibiy (W590H) in Transforming Manzumah Al-Shatibiyyah as a Medium Tadabbur]

Rohana Zakaria ¹, Muhammad Fairuz A. Adi,² & Hayati Husin ³

¹ Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor.

² Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor.

³ Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

* Corresponding Author: Rohana Zakaria. Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang Selangor, rohana@uis.edu.my, 0194008485, ORCID ID 0000-0001-5799-9562

Artikel dihantar: 6 Mei 2026

Artikel diterima: 23 Jun 2026

Artikel diterbitkan: 30 Jun 2026

ABSTRACT

The mastery of the science of Qira'at is often perceived as complex and exclusive due to the difficulty of memorizing voluminous classical texts. This often results in students focusing strictly on the technicalities of recitation while neglecting the aspect of tadabbur (contemplation of meaning). Consequently, this study aims to analyze the role of Imam al-Shatibiy in revolutionizing the methodology of Qira'at studies through his work, Manzumah al-Shatibiyyah, and to examine how this innovation serves as a catalyst for the practice of tadabbur. This research employs a qualitative approach through content analysis of the text Hirz al-Amani wa Wajh at-Tahani, along with authoritative commentaries (syarah), to investigate the effectiveness of the introduced codification system. The findings indicate that Imam Al-Shatibiy's transformation specifically through the use of symbolic systems (rumuz) and poetic summaries not only succeeded in simplifying the memorization of Qira'at rules but also significantly reduced the cognitive load on students. This, in turn, creates mental space to explore the diverse dimensions of meaning behind the various recitation modes. Finally, this study advocates for the Manzumah al-Shatibiyyah to be revitalized not merely as a memorization manual, but as an instrument of knowledge integration to produce a Quranic generation that is both proficient in narration (riwayah) and profound in contemplation.

Keywords: *Science of Qira'at, Imam al-Shatibiy, Manzumah al-Shatibiyyah, Quranic Tadabbur, Educational Innovation.*

ABSTRAK

Penguasaan ilmu Qiraat sering dianggap rumit dan sukar dalam menghafal teks karya klasik yang tebal, menyebabkan fokus penuntut sering terhad kepada teknikaliti bacaan dan meminggirkan aspek tadabbur. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan Imam al-Shatibiy dalam merevolusikan metodologi pengajian Qiraat melalui karya Manzumah al-Shatibiyyah dan mengkaji bagaimana inovasi tersebut berfungsi sebagai pemangkin kepada amalan tadabbur. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap teks Hirz al-Amani wa Wajh at-Tahani serta kitab-kitab syarah muktabar untuk meneliti keberkesanan sistem kodifikasi yang diperkenalkan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa transformasi Imam Al-Shatibiy melalui penggunaan sistem rumuz abjad dan syair bukan sahaja berjaya mempermudah untuk mengingat wajah Qiraat, malah secara signifikan mengurangkan beban kognitif pelajar, sekaligus membuka ruang minda untuk meneroka dimensi makna yang pelbagai di sebalik variasi wajah bacaan. Akhir sekali, kajian ini menaruh harapan agar Manzumah al-Shatibiyyah diangkat semula bukan sekadar sebagai manual hafalan, tetapi sebagai instrumen integrasi ilmu yang melahirkan generasi al-Quran yang mahir dalam riwayat dan mendalami tadabbur.

Kata kunci: Ilmu Qiraat, Imam al-Shatibiy, Manzumah al-Shatibiyyah, Tadabbur Al-Quran, Inovasi Pendidikan.

How to Cite: Zakaria, R., A. Adi, M. F. ., & Husin, H. . (2026). Evolusi Qiraat: Peranan Imam Al-Shatibiy (W590) Mentransformasikan Manzumah Al-Shatibiyyah Sebagai Medium Tadabbur. *QIRAAT Jurnal Al-Quran Dan Isi-Isu Kontemporari*, 9(1), 15-24.

DOI: <https://doi.org/10.53840/y8465m02>

1.0 PENGENALAN

Penurunan al-Quran dalam pelbagai wajah atau *Ahruf Sab'ah* merupakan manifestasi teragung sifat al-Rahman Allah SWT terhadap hamba-Nya, yang bertujuan untuk memberi kemudahan kepada umat manusia. Keluasan ilmu ini meraikan kepelbagaian lajiah kabilah-kabilah Arab yang mempunyai struktur lidah dan dialek yang berbeza, sekali gus memastikan tiada golongan yang berasa terpinggir atau sukar untuk melafazkan Kalamullah. Dengan membenarkan variasi bacaan ini, Allah SWT telah mengangkat beban kesulitan daripada umat Islam, lalu menjadikan al-Quran sebuah kitab universal yang mesra penutur, mudah dihafal, dan dekat di hati setiap mukmin tanpa mengira latar belakang linguistik mereka.

Selain menjadi rahmat yang memudahkan, kepelbagaian Qiraat juga menyerlahkan sisi *i'jaz* (kemukjizatan) bahasa al-Quran yang tiada tandingannya. Setiap perbezaan dalam variasi bacaan sama ada melalui perubahan baris, huruf, atau *sabdu* sebenarnya membuka dimensi makna baharu yang saling melengkapi antara satu sama lain, tanpa mewujudkan sebarang pertentangan makna (Saud, M., & Shabeeb, T., 2025). Keunikan ini membuktikan ketelitian seni bahasa al-Quran sebagai mukjizat, di mana satu rangkap ayat sarat dengan hukum dan pengajaran yang pelbagai. Rentetan itu, ia mengajak akal manusia untuk melakukan tadabbur iaitu proses pemikiran, pemerhatian, dan penghayatan yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran bagi menyelami makna tersirat serta mengambil iktibar daripadanya (Zamroni Ishaq&Ihsan Hamid, 2021). Melalui amalan tadabbur inilah keindahan dan keluasan ilmu yang terkandung di dalam al-Quran dapat disingkap dengan lebih bermakna.

Oleh yang demikian, objektif penulisan ini adalah untuk menganalisis peranan Imam al-Shatibiy dalam merevolusikan metodologi pengajian Qiraat melalui karyanya *Manzumah al-Shatibiyyah*, serta mengkaji bagaimana inovasi tersebut berfungsi sebagai pemangkin kepada amalan tadabbur yang lebih berkesan.

1.1 Cabaran Ilmu Qiraat Sebelum Era Imam al-Shatibiy

Sebelum kemunculan era Imam al-Shatibiy, penguasaan ilmu Qiraat merupakan satu cabaran intelektual yang amat berat dan eksklusif, seolah-olah hanya mampu dipikul oleh segelintir ulama yang mempunyai ingatan fotografi. Disiplin ilmu ini tersebar secara meluas dalam pelbagai karya penulisan yang tebal dan rumit, menuntut ketekunan

PEER REVIEWED
JOURNALOPEN ACCESS
PUBLICATION

Bridging Quranic Wisdom and Contemporary Challenges



luar biasa daripada para penuntut ilmu untuk menyaring dan memahaminya. Antara rujukan paling utama ketika itu ialah kitab *al-Taysir* karangan tokoh agung Imam Abu Amr Ad-Dani (W444H). Walaupun kitabnya diakui sangat berautoriti dan lengkap, namun persembahannya dalam bentuk teks panjang menjadikannya sukar untuk dikuasai dengan pantas dan tepat, terutamanya dalam membezakan setiap hukum yang hampir serupa antara satu imam dengan imam yang lain.

Kesukaran teknikal ini menyebabkan ilmu Qiraat menjadi agak tertutup dan sukar diakses oleh orang awam, memandangkan tiada sistem hafalan yang mesra minda untuk 'mengikat' ribuan perbezaan bacaan tersebut. Tanpa bantuan struktur syair atau *nazam* yang berirama, risiko bagi seorang pelajar untuk terlupa atau terkeliru antara riwayat-riwayat yang rencam dan pelbagai adalah sangat tinggi, menjadikan proses pemindahan ilmu ini memakan masa bertahun-tahun lamanya (Khoirul Muhtadin et al;2024). Bebanan kognitif yang tinggi ini menyebabkan fokus para penuntut lebih tertumpu kepada usaha keras menghafal teks-teks tebal semata-mata, sehingga aspek penghayatan makna dan penyebaran ilmu ini kepada masyarakat menjadi agak terbatas sehinggalah hadirnya pembaharuan daripada Imam As-Shatibi.

Kemunculan Imam al-Shatibiy menerusi karyanya, *Hirz al-Amani wa Wajh at-Tahani (Manzumah as-Shatibiyyah)*, merupakan satu titik tolak yang amat penting dalam sejarah pendidikan al-Quran. Sebelum era beliau, ilmu Qiraat terkandung dalam kitab-kitab prosa yang tebal dan sukar diingat, namun beliau dengan kecerdasan luar biasa telah menukarkan ribuan hukum yang rumit ini kepada bentuk *nazam* atau syair yang indah (Ahmed Alruwaythi, 2025). Transformasi ini bukan sekadar perubahan format penulisan, tetapi satu inovasi pedagogi yang genius yang menjadikan ilmu yang dahulunya dianggap 'berat' kini lebih ringan, sistematik, dan mudah didekati oleh para penuntut ilmu dari pelbagai latar belakang.

Revolusi pengajian Qiraat sebenar yang dibawa oleh beliau terletak pada pengenalan sistem kodifikasi atau *rumuz* yang sangat rapi dalam *manzumah* dan syair tersebut, di mana huruf-huruf abjad sebagai rumuz tertentu digunakan untuk mewakili para imam dan perawi Qiraat. Pendekatan ini membolehkan pelajar meringkaskan perbezaan bacaan yang rencam di dalam bait-bait syair yang padat dan berirama, seolah-olah 'memampatkan' data ilmu yang besar ke dalam fail ingatan yang mudah diakses serta kekal lama (Muhammad Ripin & Miftakhul Huda, 2025). Kaedah ini menjadikan proses hafalan menjadi jauh lebih pantas dan tepat, sekaligus mengurangkan risiko kekeliruan dan percampuran antara riwayat yang sering menjadi masalah utama dalam kaedah pembelajaran konvensional sebelumnya.

Kesan jangka panjang daripada inovasi ini ialah akses kepada ilmu Qiraat menjadi lebih meluas, membolehkan umat Islam tidak sekadar menghafal baris, tetapi mula melangkah ke alam penghayatan makna. Apabila beban kognitif untuk mengingati teknikaliti variasi bacaan dapat diringankan melalui keindahan syair, ruang minda umat terbuka luas untuk melakukan tadabbur yang lebih mendalam terhadap hikmah di sebalik perbezaan wajah al-Quran itu (Wan Nor Atikah Che Wan Mohd Rozali et al. 2022). Dengan demikian, Imam al-Shatibiy bukan sahaja mempermudah jalan menuntut ilmu, tetapi beliau telah membina jambatan kukuh yang menghubungkan umat dengan keindahan mukjizat bahasa al-Quran, memastikan warisan wahyu ini kekal terpelihara dalam dada para penghafal zaman-berzaman.

2.0 KETOKOHAN IMAM AL-SHATIBIY

Nama penuh Imam al-Shatibiy ialah al-Qasim ibn Firruh ibn Khalaf ibn Ahmad. Beliau dikenali dengan *kunyah* Abu al-Qasim dan terdapat juga riwayat yang menyebut *kunyah* nya Abu Muhammad dalam sebahagian sumber biografi klasik. Nisbah *al-Shatibi* merujuk kepada tempat kelahirannya, iaitu Xàtiva (Shatibah), sebuah bandar di wilayah Valencia di Timur Andalus, yang kini terletak dalam negara Spain (al-Dhahabi 2003). Nama bapanya, *Firruh*, dikenal pasti sebagai lafaz bukan Arab. Sebahagian sarjana berpendapat bahawa ia berakar daripada perkataan Latin *ferrum* yang bermaksud ‘besi’, yang dari sudut simbolik sering dikaitkan dengan makna kekuatan dan keteguhan (Randi Haaland, 2006). Beliau dilahirkan pada akhir tahun 538H (sekitar 1144M) di Shatibah. Sumber *tarajum* menyatakan bahawa beliau dilahirkan tanpa penglihatan, namun dikurniakan kecerdasan intelektual serta daya hafazan yang luar biasa, suatu sifat yang sering ditekankan dalam biografi para ulama qiraat (al-Jazari 2006).

Pendidikan awal beliau bermula di kampung halamannya dengan mempelajari al-Quran, qiraat dan hadis. Antara guru utamanya di Andalus ialah Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn ‘Abd Allah ibn Huzayl, seorang ulama terkemuka di Valencia. Melalui bimbingan gurunya itu, beliau mendalami karya *al-Taysir fi al-Qira’at al-Sab’* karangan Abu Amr al-Dani, yang kemudiannya diringkaskan dan ditransformasikan dalam bentuk *nazam* oleh beliau sendiri melalui karya masyhurnya *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, yang lebih dikenali sebagai *Manzumah al-Shatibiyyah*. Selain penguasaan dalam bidang qiraat, beliau turut memiliki kepakaran dalam disiplin lain seperti nahu (tatabahasa Arab), fiqh, tafsir, hadis dan kesusasteraan Arab, mencerminkan keluasan tradisi keilmuan Andalus pada abad ke-6 Hijrah (al-Qastalani, 2000).

Imam al-Shatibiy dilaporkan meninggalkan Andalus dan berhijrah ke wilayah Timur Islam. Sebahagian sarjana berpendapat bahawa perpindahan tersebut berkemungkinan didorong oleh faktor ketidakstabilan politik di Andalus pada akhir era pemerintahan Islam atau keinginan menunaikan ibadah haji, walaupun sebab khususnya tidak dinyatakan secara eksplisit dalam sumber-sumber awal (Ibn al-Jazari, 2006; al-Dhahabi, 2003).

Dalam perjalanan ke Timur, beliau singgah di Alexandria dan berguru dengan beberapa tokoh ulama setempat, antaranya Abu Tahir al-Silafi yang terkenal dalam bidang hadis. Sumber biografi turut merekodkan bahawa beliau kemudiannya menetap di Cairo pada era pemerintahan Salahuddin al-Ayyubi (r. 1171–1193M). Keilmuan beliau dalam bidang qiraat mendapat perhatian Al-Qadi al-Fadil, penasihat utama kepada Salahuddin (al-Qastalani 2000). Menurut catatan al-Dhahabi (1985) dan Ibn al-Jazari (2006), al-Qadi al-Fadil telah menubuhkan sebuah institusi pendidikan yang dikenali sebagai *al-Madrasah al-Fadiliyyah* dan melantik al-Shatibi sebagai syekh al-iqra’ untuk mengajar al-Quran dan qiraat di institusi tersebut. Pelantikan ini mencerminkan pengiktirafan rasmi terhadap autoriti ilmiah beliau dalam disiplin qiraat pada zamannya. Menurut beberapa sumber *tarajum* klasik, Imam al-Shatibi digambarkan sebagai seorang tokoh yang memiliki tahap wara’ yang tinggi dalam kehidupan peribadinya. Al-Dhahabi (2003) dalam *Ma’rifat al-Qurra’ al-Kibar* mencatatkan sifat kezuhudan dan ketekunan beliau dalam menuntut serta menyebarkan ilmu.

Selain itu, Ibn al-Jazari (2006) dalam *Ghayat al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra’* turut merekodkan keperibadian beliau sebagai seorang imam yang *thiqah*, tekun dan memiliki disiplin yang tinggi dalam ilmu qiraat. Beberapa riwayat menyebut bahawa beliau tidak mengambil ganjaran tetap daripada pihak pemerintah atau madrasah, suatu sikap yang ditafsirkan oleh penulis biografi sebagai usaha memelihara keikhlasan serta mempertahankan kebebasan dan integriti ilmiah.

Menurut catatan sumber *tarajum* utama, Imam al-Shatibi wafat pada hari Ahad, 28 Jamadil Akhir 590H, bersamaan kira-kira tahun 1194M. Berdasarkan tarikh kelahirannya pada 538H, usia beliau ketika wafat dianggarkan sekitar 52 tahun (Ibn al-Jazari, 2006; al-Dhahabi, 2003). Sumber biografi turut merekodkan bahawa beliau menghembuskan nafas terakhir di Cairo dan dikebumikan di kawasan perkuburan Al-Qarafa al-Sughra, iaitu salah satu kompleks *maqbarah* bersejarah di Kaherah, yang terletak berhampiran makam Imam al-Shafi’i. Lokasi tersebut sejak sekian lama menjadi kawasan pengebumian tokoh-tokoh ilmuwan terkemuka Mesir (Ibn Khallikan, 1972; al-Dhahabi 1985).

Dari sudut legasi keilmuan, karya beliau khususnya *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* terus menjadi teks asas dalam pengajian qiraat sehingga kini. Tradisi ziarah ilmiah ke makam beliau oleh para penuntut qiraat juga



dilaporkan berterusan dalam literatur dan amalan masyarakat, walaupun aspek ini lebih bersifat sosiobudaya berbanding data sejarah yang bersifat dokumentari.

2.1 Pengaruh Imam al-Shatibiy (W 590H)

Al-Imam al-Shatibiy dikenali memiliki daya hafazan dan ketajaman intelektual yang tinggi, suatu ciri yang sering ditekankan dalam karya-karya *tarajum* seperti yang dicatatkan oleh Ibn al-Jazari (2006) dalam *Ghayat al-Nihayah* dan Al-Dhahabi (2003) dalam *Ma'rifat al-Qurra' al-Kibar*. Keupayaan hafazan yang kukuh ini memainkan peranan penting dalam penguasaan beliau terhadap perincian riwayat dan wajah-wajah bacaan al-Quran yang memerlukan ketelitian yang tinggi.

Dari sudut pengiktirafan ilmiah, beliau diangkat oleh para sarjana sebagai salah seorang imam terkemuka dalam bidang qiraat. Gelaran tersebut merujuk kepada autoriti beliau dalam menyusun, menstruktur dan menukikan riwayat bacaan secara sistematik berdasarkan tradisi sanad yang muktabar. Ketokohan beliau menjadikan namanya sebagai rujukan utama dalam disiplin ini, khususnya dalam konteks standardisasi dan pedagogi qiraat pada abad ke-6 Hijrah (Fakhrie 2015).

Kemuncak sumbangan beliau terserlah melalui karya nazamnya *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*, yang lebih dikenali sebagai *Manzumah al-Shatibiyyah*. Karya ini merupakan ringkasan berirama terhadap *al-Taysir fi al-Qira'at al-Sab'* karangan Abu Amr al-Dani (Ibn al-Jazari, 2006) Melalui pendekatan *manzumah* yang sistematik, beliau berjaya memudahkan proses pengajaran dan penguasaan Qiraat Sab'ah dalam kalangan penuntut ilmu. Sehingga kini, karya tersebut terus menjadi teks teras dalam pengajian qiraat di pelbagai institusi dunia Islam, dan sebahagian besar jalur sanad bacaan al-Quran yang masyhur hari ini mempunyai hubungan langsung atau tidak langsung dengan tradisi yang telah diperkukuh melalui metodologi beliau.

2.2 Inovasi Karya *Hirz al-Amani* dalam pengajian al-Quran dan Qiraat

Dalam sejarah pendidikan qiraat, karya *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* oleh Imam al-Shatibiy merupakan antara teks paling berpengaruh dalam tradisi pengajian al-Quran. Karya ini lebih dikenali sebagai *al-Shatibiyyah* dalam kalangan penuntut ilmu dan berfungsi sebagai teks teras bagi pengajian *Qiraat Sab'ah* selama berabad-abad. Kedudukannya sebagai rujukan primer telah mengatasi karya-karya sebelumnya dari segi penerimaan pedagogi, khususnya kerana pendekatannya yang lebih sistematik dan mudah dihafaz berbanding teks prosa yang panjang dan teknikal.

Keistimewaan utama karya ini terletak pada usahanya meringkaskan dan menstrukturkan semula kandungan *al-Taysir fi al-Qira'at al-Sab'* karangan Abu Amr al-Dani. Jika *al-Taysir* disusun dalam bentuk prosa ilmiah yang sarat dengan perincian hukum dan riwayat, al-Shatibiy menukarkannya ke dalam bentuk *nazam* yang padat dan berirama tanpa mengabaikan ketepatan maklumat (al-Qadi Abd al-Fattah tt). Proses ini boleh difahami sebagai suatu bentuk penyusunan semula epistemologi daripada teks analitik kepada teks pedagogi yang menjadikan kandungan qiraat lebih mudah diakses dan dihafaz.

Karya tersebut mengandungi sekitar 1,173 bait syair yang disusun menggunakan *Bahr al-Basit* dengan rima akhir huruf *lam* sehingga dikenali sebagai *al-Qasidah al-Lamiyyah* (Ibn al-Jazari, 2006). Struktur berirama ini memainkan peranan penting dalam membantu proses hafazan, selaras dengan tradisi transmisi ilmu Islam yang menekankan hafazan *manzumah* sebagai asas penguasaan disiplin (al-Qadi Abd al-Fattah tt). Melalui pendekatan ini, hukum-hakam qiraat yang kompleks dapat dirumuskan dalam bentuk yang ringkas dan mudah diingati, sekali gus memperkukuh kesinambungan sanad dan ketepatan periwayatan. Sehingga Ibn al-Jazari (1998) menyebut

bahawa sistem *rumuz* ini menjadikan *al-Shatibiyyah* sebagai 'keajaiban' kerana mampu menghimpunkan ribuan hukum dalam ruang yang sangat terhad namun padat.

Salah satu aspek metodologi paling signifikan dalam karya ini ialah penggunaan sistem *rumuz abjad*. Al-Shatibiy mengaplikasikan huruf-huruf tertentu sebagai kod simbol yang digunakan untuk mewakili setiap imam qiraat. Sistem ini berasaskan susunan huruf Arab tertentu yang berfungsi sebagai penanda ringkas bagi mengelakkan pengulangan nama secara panjang dalam setiap bait (Abu Shamah al-Maqdisi, 1982). Pendekatan ini memperlihatkan tahap kecekapan penyusunan maklumat yang tinggi, di mana sejumlah besar data riwayat dan wajah bacaan dapat dipadatkan dalam struktur yang minimum tanpa menjejaskan ketepatan rujukan.

Dari sudut pedagogi, sistem *rumuz* ini boleh dianggap sebagai satu bentuk pemampatan maklumat dalam tradisi pendidikan Islam klasik. Ia mengurangkan beban kognitif pelajar serta memudahkan pemetaan antara hukum bacaan dan imam yang berkaitan. Melalui inovasi metodologi ini, *Manzumah al-Shatibiyyah* bukan sahaja menjadi teks hafazan, tetapi juga model penyusunan ilmu qiraat yang efisien dan berdaya tahan, sekali gus menyumbang kepada standardisasi dan kelangsungan transmisi *Qiraat Sab'ah* dalam dunia Islam sehingga hari ini.

3.0 PERANAN IMAM AL-SHATIBIY (W590H) DALAM MENTRANSFORMASIKAN MANZUMAH AL-SHATIBIYYAH SEBAGAI MEDIUM TADABBUR

Sebelum kemunculan Imam al-Shatibiy, disiplin qiraat secara relatifnya beredar dalam lingkungan pengajian yang terbatas dan memerlukan penguasaan hafazan yang tinggi terhadap teks-teks prosa yang panjang serta terperinci. Karya seperti *al-Taysir fi al-Qira'at al-Sab'* oleh Abu Amr al-Dani disusun dalam bentuk analitik-prosa, yang walaupun komprehensif, menuntut ketekunan masa dan keupayaan hafazan yang kukuh untuk menguasai perbezaan riwayat antara imam-imam qiraat. Keadaan ini secara tidak langsung menghadkan akses pengajian qiraat kepada kelompok pelajar yang mempunyai daya tahan akademik yang tinggi.

Tambahan pula, tumpuan yang besar terhadap aspek teknikal bacaan seperti wajah-wajah *imalah*, *idgham*, *mad* dan sebagainya berpotensi menjadikan penguasaan hukum sebagai matlamat utama, sedangkan dimensi penghayatan makna (tadabbur) tidak selalu diberikan perhatian yang seimbang pada peringkat awal pembelajaran.

Kemunculan *Manzumah Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* memperkenalkan suatu pendekatan pedagogi yang berbeza. Dengan menukarkan kandungan prosa kepada 1,173 bait *nazam* berirama dalam *Bahr al-Basit*, al-Shatibiy telah merumuskan semula struktur penyampaian ilmu qiraat dalam bentuk yang lebih sistematik dan mudah dihafaz. Transformasi ini bukan sekadar merubah pada gaya bahasa, tetapi satu bentuk penstrukturan semula ilmu yang menjadikan kandungan qiraat lebih mudah diinternalisasikan oleh pelajar melalui hafazan *manzumah* Ibn al-Jazari (1998) menyatakan kekagumannya terhadap *Manzumah al-Shatibiyyah* dengan ungkapan :

"...wa la-qad bālagha fī al-ījāz, wa atā bi al-mu'jizah fī al-i'jāz."

Maksud: "...dan sesungguhnya beliau (al-Shatibiy) telah mencapai kemuncak dalam ringkasan (*ijaz*), dan beliau telah mendatangkan suatu keajaiban dalam aspek ringkasan *manzumah* tersebut.

Dari perspektif pedagogi kognitif, pendekatan ini berfungsi mengurangkan beban kognitif pelajar. Apabila hukum-hukum bacaan dirumuskan dalam bentuk syair yang tersusun, pelajar tidak lagi perlu sentiasa merujuk teks panjang untuk mengingat perincian riwayat. Hafazan yang mantap membolehkan aspek teknikal bacaan menjadi lebih automatik, seterusnya membuka ruang intelektual untuk memberi perhatian kepada dimensi makna dan implikasi tafsir bagi setiap variasi bacaan.

Sistem *rumuz abjad* yang diperkenalkan oleh al-Shatibi turut memperkukuh ketepatan transmisi. Setiap imam qiraat dan perawinya diwakili oleh huruf tertentu, sekali gus membolehkan perbezaan riwayat direkodkan secara ringkas tetapi tepat. Ketepatan ini merupakan prasyarat penting bagi tadabbur yang sahih, kerana penghayatan makna mestilah berasaskan bacaan yang mutawatir dan terpelihara sanadnya. Melalui sistem kodifikasi ini, variasi bacaan dapat dikekalkan tanpa kekeliruan atau percampuran riwayat. Kenyataan ini disokong oleh al-Qastallani (1972) menyatakan bahawa keindahan susunan *al-Shatibiyyah* memudahkan para *qurra'* untuk melihat bagaimana setiap variasi bacaan (*wujuh al-qiraat*) sebenarnya menambah satu lagi lapisan makna kepada mukjizat al-Quran.



Sebagai ilustrasi, perbezaan bacaan pada Surah al-Fatihah ayat ke-4 memperlihatkan hubungan langsung antara qiraat dan tadabbur. Pada lafaz *maliki/maaliki yawm al-din*, sebahagian imam membaca dengan panjang dua harakat *ithbat alif (Maaliki)*, manakala sebahagian yang lain membaca tanpa *ithbat alifi* atau tidak panjang (*Maliki*). Perbezaan ini direkodkan secara sistematik dalam *Manzumah al-Shatibiyyah* melalui penggunaan *ramuz* yang mewakili imam tertentu. Dari sudut makna, bacaan *maaliki* (Pemilik) menekankan dimensi pemilikan mutlak, manakala *maliki* (Raja) menonjolkan aspek kedaulatan dan autoriti (al-Qaisi 1960).

Jadual 1. Contoh Pertama: Hubungan Qiraat & Tadabbur: Surah Al-Fatihah, ayat 4.

Kategori	Bacaan 1 (Pendek)	Bacaan 2 (Panjang)
Lafaz Arab	مَالِكٍ (<i>Maliki</i>)	مَالِكٍ (<i>Maaliki</i>)
Imam/Riwayat	Nafi', Ibnu Kathir, Abu Amr, Ibn Amir, Hamzah, dan Khalaf	Asim dan Al-Kisa'i,
Cara bacaan	Tanpa Mad (Pendek)	Dengan Mad Asli (Panjang 2 Harakat)
Maksud	Raja	Pemilik
Dimensi Tadabbur	Menekankan aspek Kedaulatan, Pemerintahan, dan Autoriti menghukum.	Menekankan aspek Hak Milik Mutlak, Hubungan Personal, dan Penjagaan.
Rumusan Sifat	Allah Maha Berkuasa (al-Malik)	Allah Maha Memiliki (al-Maalik)

Daripada rajah 1 di atas menunjukkan kedua-dua bacaan ini tidak bercanggah, sebaliknya saling melengkapi untuk menggambarkan kesempurnaan Allah SWT yang bukan sahaja memiliki alam ini, tetapi juga berkuasa sepenuhnya ke atasnya.

Jadual 2 Contoh kedua: Hubungan Qiraat & Tadabbur: Surah al-Baqarah, ayat 9

Kategori	Bacaan 1 (Pendek)	Bacaan 2 (Panjang)
Lafaz Arab	يُخَدِّعُونَ (<i>Yakhda'uuna</i>)	يُخَدِّعُونَ (<i>Yukhadi'uuna</i>)
Imam/Riwayat	Ibn 'Amir, 'Aşim, Hamzah, al-Kisa'i,	Nafi', Ibn Kathir, Abu Amr
Cara Bacaan	Tanpa <i>Alif</i> (Pendek selepas huruf <i>Kha</i>)	Ada <i>Alif Mad</i> (Panjang selepas huruf <i>Kha</i>)
Maksud	Menipu	Berusaha menipu / saling menipu
Dimensi Tadabbur	Menekankan Hasil (<i>Result</i>). Mereka benar-benar berjaya menipu diri sendiri (akibat buruk erkena pada diri sendiri).	Menekankan Usaha (<i>Effort</i>). Mereka bersungguh-sungguh mencuba dan berterusan melakukan tipu daya tersebut.
Gambaran Mental	Sasaran tepat	Pusingan sia-sia

Kategori	Bacaan 1 (Pendek)	Bacaan 2 (Panjang)
	Tipu daya itu terus "mengena" batang hidung sendiri.	Usaha berulang kali yang meletihkan tetapi gagal.

Berdasarkan jadual 2 di atas apabila digabungkan kedua-dua bacaan ini melalui kaca mata tadabbur, didapati gambaran mental orang munafik yang sangat dahsyat iaitu pertama dari sudut *Yukhadi'uuna* (Bacaan panjang): Ia menunjukkan betapa gigihnya mereka merancang strategi dan berusaha siang malam untuk menipu Islam. Manakala yang keduanya dari sudut *Yakhda'uuna* (Bacaan pendek): Ia menunjukkan kesudahan usaha itu. Walaupun mereka penat berusaha, hasilnya hanyalah kemusnahan kepada diri sendiri secara realiti. Maka kesimpulannya bacaan ini saling melengkapi antara perbuatan (usaha) dan akibat (hasil). Contoh-contoh ini menunjukkan bahawa penguasaan qiraat yang sistematik bukan sahaja memastikan ketepatan bacaan, tetapi juga memperkaya ruang tadabbur melalui kepelbagaian makna yang diiktiraf dalam tradisi riwayat yang sahih

Secara keseluruhannya, inovasi metodologi al-Shatibi bukan sahaja melangkaui aspek mempermudah hafazan semata-mata. Malah karyanya telah menyumbang kepada pendemokrasian relatif pengajian qiraat, memperluas akses kepada disiplin ilmu ini serta memperkukuh integrasi antara penguasaan teknikal bacaan dan penghayatan makna (al-Qastallani, 1972). Dalam hal ini, struktur *Manzumah al-Shatibiyyah* yang sistematik melalui sistem kod (*rumuz*) membolehkan penuntut ilmu meringkaskan masa untuk menghafal aspek teknikal, sekali gus memberi ruang intelektual yang lebih luas untuk meneroka variasi makna dan tadabbur yang terkandung dalam perbezaan qiraat tersebut (al-Qastallani, 1972).

4.0 HASIL DAPATAN

Legasi Imam al-Shatibi dalam dunia Islam hari ini bukan sekadar melangkaui sebuah karya sastera atau buku teks; ia telah menjadi 'tulang belakang' kepada sistem pemeliharaan al-Quran di seluruh dunia. Selama lebih lapan abad, umat Islam dari pelbagai latar belakang budaya dan bahasa telah bersandar kepada sistem yang dibina oleh beliau melalui *Manzumah al-Shatibiyyah* untuk memastikan bacaan al-Quran mereka menepati piawaian wahyu. Karya ini telah berjaya menyatukan umat Islam dari Timur ke Barat di bawah satu payung metodologi yang sama. Sama ada seorang pelajar itu berada di sebuah madrasah di pergunungan Turki, di universiti Islam di Malaysia atau di halaqah ilmu di Maghribi, rujukan utama mereka bagi Qiraat Tujuh tetaplah bait-bait syair yang disusun oleh ulama buta dari Andalus ini. Keseragaman ini adalah satu fenomena ajaib yang membuktikan keberkatan dan penerimaan Allah terhadap keikhlasan beliau (Abu Shamah, 1982).

Keseragaman yang dibawa oleh sistem *Manzumah Shatibiyyah* ini memainkan peranan kritikal dalam mengharmonikan cara bacaan al-Quran umat Islam. Sebelum ini, wujud risiko perpecahan atau kekeliruan akibat perbezaan dialek dan riwayat yang tidak didokumentasikan secara sistematik. Namun, dengan adanya kodifikasi yang rapi dalam *manzumah Shatibiyyah*, perselisihan tersebut dapat diredakan. Sebagai contoh, apabila seorang qari dari Mesir membaca riwayat Warsh dan seorang qari dari Indonesia membaca riwayat Hafs, kedua-duanya faham bahawa perbezaan bunyi tersebut bukanlah satu kesalahan, tetapi variasi yang telah 'disahihkan' oleh Imam al-Shatibi dalam *nazam* nya. Inilah yang mengikat kesatuan umat, memastikan bahawa walaupun lidah kita berbeza, sumber rujukan kita tetap satu dan konsisten.

Selain keseragaman, sumbangan terbesar Imam al-Shatibi yang kita nikmati hari ini ialah jaminan terhadap ketulenan teks al-Quran. Melalui struktur syair yang ketat dengan *wazan* dan rima tertentu, beliau telah mencipta satu mekanisme terbaik yang melindungi al-Quran daripada sebarang penambahan atau pengurangan. Jika seseorang cuba mengubah satu baris pun dalam hukum tajwid atau Qiraat, bait syair Shatibiyyah akan menjadi sumbang atau rosak iramanya. Ciri ini bertindak sebagai 'pengawal keselamatan' yang memastikan al-Quran yang dibaca, hafal dan tadabbur pada hari ini adalah 100% tepat seperti mana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat, tanpa sebarang keraguan atau campur tangan manusia.

Menerusi sistem *rumuz abjad* sistem Shatibiyyah yang memelihara setiap huruf dan baris termasuklah *idgham*, *imalah*, dan *mad*, para pentadabbur al-Quran pada zaman moden ini boleh menggali makna ayat dengan penuh keyakinan. Mereka tahu bahawa setiap variasi bacaan yang mereka kaji mempunyai sandaran nas yang mutawatir. Contohnya, apabila kita mentadabbur perbezaan makna antara *Yakhda'un* (mereka menipu) dan *Yukhadi'un*

PEER REVIEWED
JOURNALOPEN ACCESS
PUBLICATION

Bridging Quranic Wisdom and Contemporary Challenges



(mereka saling cuba menipu) dalam Surah Al-Baqarah, kita melakukannya atas dasar ilmu yang telah dipelihara ketulenannya oleh sistem *nazm* Imam As-Shatibiy ini.

Legasi beliau juga terus hidup subur melalui pengekalan budaya talaqqi dan pengambilan sanad yang masih diamalkan sehingga kini. Di pusat-pusat pengajian tinggi Islam seperti Universiti Al-Azhar di Mesir mahupun Darul Quran di Malaysia, penguasaan terhadap *Manzumah al-Shatibiyyah* sering dijadikan syarat utama untuk seseorang itu layak menerima ijazah sanad Qiraat. Tradisi ini membuktikan bahawa walaupun teknologi moden telah wujud, keberkesanan metodologi hafalan syair beliau masih tiada tandingannya dalam melahirkan para huffaz yang berkualiti. Ia memastikan ilmu ini tidak hanya dipelajari secara teori melalui buku, tetapi dipindahkan dari dada ke dada, mengekalkan keberkatan rantaian guru yang bersambung terus kepada Nabi SAW.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, Imam al-Shatibiy tidak sekadar mewariskan sebuah karya, tetapi satu manhaj keilmuan yang memelihara identiti umat Islam. Melalui *Manzumah al-Shatibiyyah*, beliau mempermudah disiplin Qiraat yang kompleks kepada kerangka syair yang sistematik, mengelakkannya daripada menjadi ilmu yang berselerak. Inovasi ini membuktikan ketokohan beliau sebagai pendidik yang memahami psikologi manusia. Lebih daripada itu, karya ini turut berfungsi sebagai medium tadabbur. Kepelbagaian wajah Qiraat bukan sahaja perbezaan teknikal bacaan, malah ia membuka dimensi makna al-Quran yang lebih luas. Secara tuntas, Imam al-Shatibiy berjaya mensinergikan penguasaan teknikal Qiraat dengan penghayatan rohani umat terhadap Kalamullah, menjadikannya seorang ulama genius yang merentasi zaman.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dengan kajian ini.

RUJUKAN

- Abu Shamah al-Maqdisi, Abd al-Rahman bin Isma'il (1982). *Ibraz al-Ma'ani min Hirz al-Amani*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. hlm. 42.
- Ahmed Alruwaythi.(2025). *Poetic Didactic Texts in Qur'anic Readings (Qirā'āt): Their Origins and Types*. International Journal of Educational Sciences and Arts, London Vol (4), No (12), 2025. E-ISSN 2976-7237. <https://doi.org/10.59992/IJESA.2025.v4n12p3>.
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. (2003). *Ma'rifah al-Qurra al-Kibâr al-Tabaqât wa al-A'shar*, Riyadh: Dâr al-'Âlam al-Kutub.
- Al-Dhahabi, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad. (1985). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Tahqiq: Syuaib al-Arna'ut. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jil. 21, hlm. 261.
- Al-Qadi, Abd al-Fattah. (Tt). *Al-Wafî fi Sharh al-Shatibiyyah fi al-Qira'at al-Sab'*.Kaherah: Maktabah al-Jala'. hlm. 5-7.
- Al-Qaisi, Makki bin Abi Talib. (1960). *Al-Ibanah 'an Ma'ani al-Qira'at*. Tahqiq: Abdul Fatah Ismail Shalabi. Kaherah: Dar al-Nahdah Misr.

- Al-Qastallani, Ahmad bin Muhammad. (1972). *Latā'if al-Ishārāt li-Funūn al-Qirā'āt*. Tahqiq: Amir al-Sayyid 'Uthman. 2 Jilid. Kaherah: al-Majlis al-A'la li al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Fakhrie Hanif. (2015). *Perbedaan Bacaan Dalam Pembelajaran Ilmu Tajwid Menurut Thariq Al-Shatibiy Dan Ibn Al-Jazari Pada Qira'at 'Ashim Riwayat Hafz*. Issn: 2088-4095. Tarbiyah Islamiyah, Volume 5, Nomor 1, Januari-Juni 2015.
- Haaland, R. (2004). *Technology, transformation and symbolism: ethnographic perspectives on European iron working*. Norwegian Archaeological Review, 37(1), 1–19. <https://doi.org/10.1080/00293650410001207>.
- Ibn al-Jazari, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad. 1998. *Munjid al-Muqri'in wa Murshid al-Talibin*. Tahqiq: Ali bin Muhammad al-Umran. Makkah: Dar al-Alam al-Fawa'id.
- Ibn Khallikan, Abu al-Abbas Ahmad bin Muhammad. (1972). *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Tahqiq: Ihsan Abbas. Beirut: Dar Sadir. Jil. 4, hlm. 72.
- Khoirul Muhtadin, Mohammad Iqbal Muadz, Suhairi. (2024). *Teknik Identifikasi Cepat Qira'at 'Asyr (Analisis Infiradat alQurra' atau Keunikan Bacaan Imam dan Rawi)*. Al-Fahmu: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir. Volume 3 No. 1, 2024: 64-72. E-ISSN: 2962-9314 | P-ISSN: 2964-1659. <https://doi.org/10.58363/alfahmu.v3i1.189>.
- Muhammad bin Muhammad Ibn al-Jazari. (2006). *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra*, (Beirut: Dâr al-Kutub al- 'Ilmiyyah, h. 20.
- Muhammad Ripin dan Miftakhul Huda (2005). The Implementation of Arabic Poetry in Quran Memorization Learning Al-Wazan: Journal of Arabic Education, Vol.3, No.1 2025.
- Saud, M., & Shabeeb, T. (2025). *Semantic Dimensions in the Diversity of Qur'anic Readings: A Classificatory Analytical Approach*. <https://www.dragoman-journal.org>, 22, 506-518. Antwerp: ATI. DOI: <https://doi.org/10.63132/ati.2025.semant.9262>.
- Shihâb al-Dîn Ahmad bin Muhammad al-Qastalâni. (2000). *al-Fath al-Mawâhib fi Tarjamah al-Imâm Al-Syathibi*, Amman: Dâr al-Fath, h. 34.
- Wan Nor Atikah Che Wan Mohd Rozali, Ismarulyusda Ishak, Arimi Fitri Mat Ludin, Farah Wahida Ibrahim, Nor Malia Abd Warif and Nur Aishah Che Roos. (2022). *The Impact of Listening to, Reciting, or Memorizing the Quran on Physical and Mental Health of Muslims: Evidence from Systematic Review*. International Journal of Public Health REVIEW published: 31 August 2022 doi: 10.3389/ijph.2022.16049.
- Zamroni Ishaq dan Ihsan Hamid. (2021). *Konsep dan Metode Tadabbur dalam Al-Qur'an*. Ummul Qura: Jurnal Institut Pesantren Sunan Drajat (INSUD) Lamongan. DOI 10.55352/uq.v16i2.535